

**Perkasa Cadang Kerajaan Wujud Unit Pemantau NKRA Bumiputera
Bernama
13 Mei, 2012**

TAWAU, 13 Mei (Bernama) -- Pertubuhan Pribumi Perkasa Negara (Perkasa) mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan sebuah unit pemantau khas bagi memantau perkembangan, kemajuan dan pencapaian kepentingan ekonomi kaum Bumiputera dalam semua sektor di negara ini.

Presiden Perkasa Datuk Ibrahim Ali berkata unit itu yang dinamakan Unit Pemantau Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Agenda Bumiputera, bertanggungjawab melaporkan perkembangan dan kemajuan kepentingan ekonomi kaum Bumiputera kepada kerajaan agar matlamat pemilikan 30 peratus ekuiti ekonomi di kalangan Bumiputera menjelang 2020 dapat dicapai.

"Unit ini akan melaporkan secara berkala, paling kurang dua bulan sekali, dalam semua sektor bagaimana pencapaian agenda ekonomi bumiputera dalam semua bidang," katanya.

Ibrahim berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Perkasa Pribumi Sabah Gabungan Pantai Timur Sabah yang turut dihadiri Naib Presiden Perkasa yang juga Yang Dipertua Perkasa Sabah Datuk Dr Mohd Jeffry Osman di sini hari ini.

Katanya cadangan itu merupakan sebahagian daripada desakan Perkasa kepada kerajaan supaya mengadakan lebih banyak tindakan berbentuk 'affirmative' untuk mengangkat ekonomi kaum bumiputera, termasuk di Sabah.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665793>